

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan Negara.<sup>1</sup>

Matlamat tersebut seiring dengan Pendidikan Islam yang bermatlamat untuk melahirkan insan salih yang beriman, berilmu, beramal dan berakhlak atau insan yang sempurna (insan kamil). Sehubungan itu dalam mencapai matlamat melahirkan insan salih atau insan sempurna ini, antara perkara dasar yang perlu diutamakan dalam Pendidikan Islam ialah membangunkan peribadi yang diisi dengan sifat

---

<sup>1</sup> Adnan Yusopp (2003), “Dasar Pendidikan Islam Negara: Pelaksanaan Dan Keberkesanan Sistem Pendidikan Di Sekolah-Sekolah Kerajaan”, dalam Suzalie Mohamad, *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM, h. 34.

takwa. Manusia yang bertakwa itu ialah yang mengabdikan dirinya kepada Allah SWT.<sup>2</sup> Firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Surah al-Dhariat (27): 56

Maksudnya: “Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku”<sup>3</sup>

Menurut Syed Naquib al-Attas<sup>4</sup>, seperti yang dipetik dari Wan Mohd Nor Wan Daud para sarjana Islam menyebut bahawa Rasulullah SAW merupakan contoh ideal bagi manusia sempurna atau manusia universal. Oleh itu peraturan pendidikan dan ilmu pengetahuan dalam sistem Pendidikan Islam perlu mencerminkan manusia bersifat seperti itu.

Berdasarkan matlamat ini, maka Pendidikan Islam harus diperkenal atau diajar sebagai *al-din* untuk memperlihatkan kesempurnaan Islam sebagai satu sistem hidup yang *shumul* (sempurna dan lengkap). Pendidikan Islam bukan sekadar untuk menyampaikan maklumat atau pengetahuan semata-mata, tetapi hendaklah diamalkan dan dihayati sepenuhnya oleh setiap muslim yang beriman kepada Allah SWT.<sup>5</sup>

---

<sup>2</sup> Abdul Halim El-Muhammady (1991), *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin Dan Peranan Pendidik*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam, h. 15.

<sup>3</sup> Shaykh Abdullah Basmeih (1980), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir, h. 1411.

<sup>4</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam Syed Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h.117.

<sup>5</sup> Zainal Abidin Abdul Kadir (1993), “Reformasi Pendidikan Islam Di Sekolah: Matlamat dan Harapan”, dalam Ismail Ab. Rahman *et al.* (ed.), *Isu-Isu Pendidikan Islam Di Malaysia: Cabaran dan Harapan*. Kuala Terengganu: KUSZA, h. 18.

Oleh yang demikian melalui penghayatan ibadah yang menyeluruh, keupayaan peribadi seseorang mampu dikembangkan untuk menjadikannya individu yang dapat memainkan peranan sebagai hamba Allah dan khalifah-Nya di muka bumi ini,<sup>6</sup> sebagaimana yang ingin dicapai dalam falsafah, matlamat, objektif dan hasrat Pendidikan Islam KBSM.<sup>7</sup>

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Penekanan kepada aspek amali dan penghayatan Islam dalam kurikulum Pendidikan Islam di negara ini adalah ekoran daripada laporan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979. Dalam laporan tersebut telah dinyatakan bahawa mutu pengajaran dan pembelajaran Pengetahuan Agama Islam didapati masih belum mencapai satu peringkat yang diharapkan dan kurang menitikberatkan aspek amali.<sup>8</sup> Laporan tersebut menyebut:

***“Mutu pengajaran dan pembelajaran Pengetahuan Agama Islam di sekolah-sekolah sekarang ini belum lagi mencapai satu peringkat yang diharapkan...”***  
(Perkara 129)

***“Pendidikan Agama Islam seperti yang dijalankan pada masa ini kurang menitik beratkan aspek-aspek amali sebagaimana yang dijangka dan dikehendaki...”***  
(Perkara 348.3)

---

<sup>6</sup> Ab. Halim Tamuri *et al.* (2005), “Penghayatan Ibadah Harian Dan Kecerdasan Emosi Dalam Pembangunan Diri Remaja Muslim”, dalam *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 4)*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 109.

<sup>7</sup> Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), “Ke Arah Amalan Dan Penghayatan Nilai Islam: Satu Pendekatan Bersepadu”, dalam Abd Halim El-Muhammady (ed.), *Pendidikan Islam: Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*. Bangi; Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah, h. 110-114.

<sup>8</sup> *Ibid.*, h. 107-108.

Daripada laporan yang dikemukakan itu dapat disimpulkan bahawa:

- a. Aspek amalan dan penghayatan Islam tidak diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran Agama Islam.
- b. Pengajaran guru lebih banyak kepada menyampaikan pengetahuan tentang Agama Islam dan kurang menunjuk cara secara praktikal atau amali.

Realitinya pada waktu itu kurikulum mata pelajaran Agama Islam (tumpuan kepada peringkat sekolah menengah) telah dibentuk berasaskan kepada keperluan dan matlamat untuk memberi pengetahuan mengenai Agama Islam kepada para pelajar. Oleh yang demikian penekanan pengajaran dan pembelajarannya lebih mengarah kepada penyampaian maklumat dan ilmu mengenai Agama Islam daripada pencapaiannya dalam aspek amalan dan penghayatan Islam dalam kalangan pelajar. Kesan daripada ini pelajar lebih banyak menghafaz fakta daripada memahami fakta dan mempelajari mata pelajaran ini hanya sekadar untuk tahu dan untuk lulus dalam peperiksaan.<sup>9</sup>

Dapatan daripada laporan tersebut, telah membawa kepada berlakunya reformasi besar kepada sistem pendidikan negara. Reformasi ini telah melihat Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) diganti dengan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1982 dan telah dilaksanakan sepenuhnya di semua sekolah rendah mulai tahun 1983. Di peringkat menengah pula Kurikulum Baru

---

<sup>9</sup> Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), *op.cit.*, h. 106-107.

Sekolah Menengah (KBSM) telah menggantikan Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) bermula pada tahun 1989.<sup>10</sup>

Melalui KBSM, struktur dan kandungan kurikulum Pendidikan Islam serta pendekatan pengajaran dan pembelajarannya jauh berubah dari mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam dalam KLSM.<sup>11</sup> Dalam KBSM, pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam telah memberi penekanan kepada penghayatan dan amalan Islam di samping memberi kefahaman tentang ajaran Islam keseluruhannya.<sup>12</sup>

Hakikatnya, penekanan kepada aspek amalan dan penghayatan dalam Pendidikan Islam adalah sebagai memenuhi kehendak falsafah dan matlamat Pendidikan Islam serta selari dengan keperluan semasa. Dalam hal ini Professor Dr Hassan Langgulung<sup>13</sup> berpendapat bahawa Pendidikan Islam seharusnya menitik beratkan aspek praktikal ibadah dalam membentuk disiplin pelajar di sekolah. Pengajaran yang terlalu menitik beratkan aspek kognitif iaitu hanya untuk lulus dalam peperiksaan sudah tidak relevan. Apa yang diperlukan sekarang adalah penghayatan pendidikan agama itu untuk membentuk masyarakat yang bermotivasi tinggi dan berdisiplin.

---

<sup>10</sup> Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), *op.cit.*, h. 108-109.

<sup>11</sup> Zainal Abidin Abdul Kadir (1993), *op.cit.*, h. 22.

<sup>12</sup> Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), *op.cit.*, h. 109.

<sup>13</sup> Hassan Langgulung (1986), *Manusia dan Pendidikan: Suatu Analisa Psikologi dan Pendidikan*. Jakarta: Pustaka al-Husna, h. 401.

Menurut Dr Haron Din<sup>14</sup>, memberi pengetahuan sahaja akan melahirkan manusia yang hanya mengetahui sesuatu (*'arif*), tetapi tidak dapat melahirkan seorang manusia yang patuh (*'abid*). Sedangkan matlamat Pendidikan Islam adalah jelas iaitu untuk menjadi seorang *'abid*, sebagaimana diperintahkan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah al-Dhariat ayat 56 itu.<sup>15</sup>

Menurut Azman Wan Chik<sup>16</sup> Pendidikan Islam di sekolah mempunyai dua peranan yang besar:

- i. Memberi pengetahuan agama Islam kepada pelajar sebagai satu pelajaran untuk peperiksaan.
- ii. Membimbing pelajar menghayati agama Islam untuk tujuan amalan dan penghayatan.

Ini bermakna, di samping pelajar menguasai fakta-fakta untuk digunakan bagi tujuan lulus peperiksaan, mereka juga harus dibimbing untuk mengamal dan menghayati agama Islam. Tugas kedua merupakan sesuatu yang tersirat dan ia perlu disedari oleh setiap guru Pendidikan Islam kerana tugas dan tanggungjawab mereka tidak terhad kepada memberi pengetahuan agama sahaja sebagaimana yang digariskan dalam sukatan pelajaran. Tetapi juga termasuk menanamkan minat dan cinta terhadap agama yang menjadi pegangan hidup mereka.

---

<sup>14</sup> Haron Din *et.al.* (1988), *Masalah Pendidikan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: al-Rahmaniah, h. 42.

<sup>15</sup> Lihat halaman 2 dalam disertasi ini.

<sup>16</sup> Azman Wan Chik (1987), *Kaedah Hayati Amali: Satu Pendekatan Mengajar Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Karya Bistari, h. pendahuluan.

Di sinilah pentingnya peranan guru-guru Pendidikan Islam. Oleh itu pendidikan Islam KBSM memerlukan guru-guru yang memiliki kemahiran dan kebolehan yang tinggi di dalam penyampaian pengajarannya. Mereka tidak sahaja berperanan sebagai *mu'allim* (pengajar dan penyampai), malah harus juga menjadi seorang *naqib, muraji'*, contoh teladan dan *murshid* dalam usaha ke arah pembentukan "insan kamil"<sup>17</sup>. Mereka juga harus menjadi *da'i* dengan menanamkan roh keagamaan dan untuk "mengislamkan" pelajar dengan amalan dan penghayatan Islam sebagai *al-din*.<sup>18</sup>

Usaha-usaha memberi penekanan ke atas amalan dan penghayatan Islam bukan hanya melibatkan perubahan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, bahkan juga melibatkan kandungan kurikulum iaitu melalui bidang amali.<sup>19</sup> Ia merupakan satu program khusus ke arah melatih pelajar secara praktik di dalam melaksanakan solat serta latihan-latihan kerohanian (*tazkiyyat al-nafs*) seperti wirid dan doa. Amali solat bukan sekadar menunaikan solat fardu, tetapi juga melatih pelajar agar melaksanakan solat untuk menepati firman Allah dalam surah al-'Ankabut ayat 45 iaitu ibadah solat boleh menjauhkan pelakunya dari terlibat dalam perkara *fahsha'* dan munkar.<sup>20</sup>

---

<sup>17</sup> Ghazali Darussalam (2001), *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., h. 177.

<sup>18</sup> Zainal Abidin Abdul Kadir *et al* (1988), "Penghayatan Islam Dalam KBSM: Kaedah dan Pelaksanaan" (Kertas Kerja Seminar Pemantapan Pendidikan Bersepadu di Maktab Perguruan Islam, Kuala Lumpur, 03 Ogos 1988), h. 11.

<sup>19</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), *Panduan Amali Pendidikan Islam Sekolah Menengah*. h. Pendahuluan.

<sup>20</sup> Zainal Abidin Abdul Kadir (1993), *op.cit.*, h. 24.

Firman Allah SWT:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ۗ

Surah al- ‘Ankabut (21): 45

Maksudnya: “*Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar*”<sup>21</sup>

Begitu juga dengan memperkenalkan ujian PAFA (Perkara Asas Fardu Ain) sebagai satu bentuk kerja kursus untuk calon-calon PMR dan SPM secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan usaha ke arah amalan dan penghayatan Islam.<sup>22</sup> Berdasarkan kajian Normah Yamin<sup>23</sup> tentang hubungkait PAFA dengan pencapaian Pelajar dalam PMR mendapati 85% pelajar (51 dari 60 orang pelajar) bersetuju bahawa PAFA adalah perlu untuk membantu meningkatkan penghayatan perkara-perkara asas dalam Pendidikan Islam.

Memandangkan penekanan ke atas amalan dan penghayatan Islam melalui mata pelajaran Pendidikan Islam KBSM telah diterapkan hampir 20 tahun, maka seharusnya para pelajar, khususnya yang berada di Menengah Atas (tingkatan empat hingga tingkatan 5) telah mampu mengamalkan dan seterusnya menghayati amalan-amalan ibadah yang telah dipelajari di institusi formal, terutamanya ibadah khusus harian.

---

<sup>21</sup> Shaykh Abdullah Basmeih (1980), *op.cit.*, h. 1044.

<sup>22</sup> Ibrahim Ahmad Bajunid (2003), “Pelaksanaan dan Keberkesanan Pendidikan Islam Di Sekolah Kebangsaan”, dalam Suzalie Mohammad, *op.cit.*, h. 255.

<sup>23</sup> Normah Yamin (1999), “Hubungkait PAFA Dengan Pencapaian Pelajar Dalam PMR” (Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya), h. 62.



Justeru itu, kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui sejauhmana keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran yang memberi penekanan kepada amalan dan penghayatan itu. Kajian memfokuskan kepada penghayatan dalam ibadah khusus kerana ibadah ini merupakan satu mekanisma yang menghubungkan manusia dengan Allah dan mendekatkan diri kepada-Nya. Di samping itu penghayatan dalam ibadah jenis ini sangat memberi impak yang besar kepada kehidupan seseorang sama ada dari segi jasmani, rohani, emosi dan juga akhlak.

### 1.3 MASALAH KAJIAN

Berdasarkan penulisan-penulisan dan laporan-laporan oleh media-massa tentang masalah akhlak dan disiplin golongan remaja atau pelajar menunjukkan bahawa penghayatan Islam yang menjadi tumpuan utama dalam KBSM khususnya penghayatan dalam ibadah sehingga kini masih belum benar-benar berjaya sebagaimana yang dikehendaki. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi melalui dapatan daripada kajian-kajian terdahulu.

Antaranya, Che Noraini Hashim<sup>24</sup> dalam tulisannya mengenai *Keruntuhan Akhlak Di Kalangan Remaja* telah mengulas tentang peningkatan kes-kes gejala keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja ini walaupun langkah-langkah telah dan sedang diambil untuk membendungnya. Penglibatan remaja dalam gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, jenayah bunuh, rompakan dan rogol seperti yang

---

<sup>24</sup> Che Noraini Hashim (2005), "Keruntuhan Akhlak Dan Pembangunan Remaja Masa Kini: Cabaran Pendidikan Islam Di Malaysia", dalam *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 4)*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 19.

dilaporkan oleh pihak media menimbulkan persoalan tentang keberkesanan pengajaran agama sama ada di rumah mahu pun di sekolah.

Mohd Tajudin Abdul Rahman<sup>25</sup> yang menulis mengenai *Masalah Disiplin Di Kalangan Pelajar Sekolah* berpendapat bahawa pelbagai kes mengenai kemerosotan akhlak golongan remaja yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar tempatan hampir setiap hari itu hakikatnya secara tidak langsung sama ada dinyatakan secara tersurat atau tersirat adalah mengarah untuk memperkatakan tentang kemerosotan disiplin dalam kalangan pelajar terutamanya pelajar di sekolah menengah.

Melalui laporan-laporan akhbar tempatan mengenai masalah akhlak dan disiplin pelajar atau remaja ini yang terlibat dengan gejala negatif<sup>26</sup> seperti mengasari guru<sup>27</sup> dan disyaki terlibat dalam jenayah seksual<sup>28</sup> merupakan satu gambaran menunjukkan pendekatan penghayatan Islam yang ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah belum dapat dihayati sepenuhnya oleh sebahagian pelajar.

Kajian menunjukkan antara punca pelajar atau remaja terlibat dalam gejala negatif seperti itu adalah disebabkan kurangnya penghayatan agama dalam kalangan

---

<sup>25</sup> Mohd Tajudin Abdul Rahman (1995), "Masyarakat Melayu: Masalah Disiplin Di Kalangan Pelajar Sekolah Dan Penyelesaiannya" (Kertas Kerja Seminar Masyarakat Melayu dan Gejala Sosial: Proses Penyelesaian Ke Arah Pembinaan Masyarakat Melayu Cemerlang Abad Ke 21 di Kuala Lumpur, 17 Januari 1995), h. 2-3.

<sup>26</sup> Johan Jaaffar (2006) "Disiplin Usah Salahkan Guru Saja ". *Berita Minggu*, Oktober 1, h. 13.

<sup>27</sup> *New Straits Times*, April 17, 2006:4 "Teacher alleges assault by students".

<sup>28</sup> *Ibid.*, June 5, 2006: 8 "Teen held over sodomy".

masyarakat.<sup>29</sup> Sekiranya ajaran Islam itu diamalkan dan dihayati sudah tentu gejala-gejala negatif dapat dihindarkan dari mempengaruhi kehidupan pelajar atau remaja tersebut. Kajian Fadzliyah Hashim<sup>30</sup> mengenai *Kesan Pendidikan Islam Terhadap Cara Hidup Pelajar* membuktikan bahawa pelajar yang memperolehi pencapaian cemerlang dalam mata pelajaran Pendidikan Islam mampu membentuk peribadi yang baik serta dapat menjadi contoh kepada rakan-rakan yang lain.

Menurut Hamka<sup>31</sup> dalam tafsirannya ke atas ayat 27 surah al-Dhariyat:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Menjelaskan bahawa ibadah solat lima waktu yang dilakukan dengan sempurna mampu menghalang seseorang dari melakukan perbuatan-perbuatan keji seperti berzina, merompak dan menipu kerana dari ibadah solat yang dilakukan itu menjadikan dirinya sentiasa mengingati dan berhubungan dengan Allah.

Antara kajian terdahulu yang membuktikan bahawa amalan dan penghayatan ibadah dalam kalangan pelajar masih belum memuaskan dan belum berkesan ialah kajian Ahmad Sabri Osman<sup>32</sup> yang mengkaji *Keberkesanan Penghayatan Pendidikan Islam Di Kalangan Mahasiswa Universiti Teknologi Mara Kampus Arau, Perlis*

---

<sup>29</sup> Che Noraini Hashim (2004), *op.cit.*, h. 22.

<sup>30</sup> Fadzliyah Hashim (2004), “Kesan Pendidikan Islam Terhadap Cara Hidup Pelajar: Suatu Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Aziz, Simpang Empat, Alor Setar, Kedah” (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 135-136.

<sup>31</sup> Hamka (1987), *Tafsir al-Azhar*, juz. 21. Singapura: Pustaka Nasional, Pte. Ltd., h. 5441.

<sup>32</sup> Ahmad Sabri Osman (2002), “Sistem Pendidikan Islam: Suatu kajian Tentang Keberkesanan Penghayatannya Di Kalangan Mahasiswa Universiti Teknologi Mara Kampus Arau, Perlis” (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

mendapati penghayatan ibadah dalam kalangan pelajar tidak memuaskan . Contohnya hanya 52.7% daripada jumlah responden seramai 300 orang yang menunaikan solat fardu penuh lima waktu. Bagi solat sunat pula seramai 58.3% responden jarang-jarang melakukannya. Manakala solat Jumaat masih terdapat pelajar lelaki yang tidak pernah menunaikannya iaitu seramai 1.7% dan tidak menunaikan setiap minggu seramai 17.9%.

Kajian Azizah Zakaria<sup>33</sup> yang mengkaji tentang *Penghayatan Terhadap Beberapa Aspek Dalam Falsafah Etika al-Ghazali Di Kalangan Pelajar Universiti Teknologi Mara, Shah Alam* mendapati terdapat pelajar yang tidak komited dan konsisten dalam menunaikan solat. Buktinya hanya 107 orang daripada jumlah responden seramai 250 orang yang mengerjakan solat lima waktu secara tetap dalam waktunya. Malah jumlah pelajar yang selalu lewat mengerjakan solat agak tinggi iaitu seramai 97 orang. Jumlah yang jarang-jarang solat pula seramai 44 orang. Bagi ibadah sunat seramai 97 orang (79.2%) kadang-kadang melakukannya. Sementara mereka yang kerap melakukannya berjumlah 36 orang (14.4%). Majoriti pelajar iaitu seramai 198 orang hanya mengerjakan sesekali sahaja.

Kajian Mohd Suhardi Mat Jusoh<sup>34</sup> yang mengkaji tentang *Pengabaian Solat Fardu Di Kalangan Remaja Di Sekitar Daerah Pasir Putih, Kelantan*, juga mengukuhkan dapatan kajian terdahulu bahawa penghayatan Islam, khususnya

---

<sup>33</sup> Azizah Zakaria (2004), "Penghayatan Terhadap Beberapa Aspek Dalam falsafah Etika al-Ghazali: Kajian Di Kalangan Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam" (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

<sup>34</sup> Mohd Suhardi Mat Jusoh (2004), "Pengabaian Solat Fardu Di Kalangan Remaja: Kajian Di Sekolah Menengah Di Sekitar Daerah Pasir Putih, Kelantan" (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

penghayatan ibadah masih belum memuaskan, di mana dapatan kajian beliau mendapati 98 orang daripada responden seramai 467 orang, masih tidak menunaikan solat fardu penuh lima waktu. Berdasarkan temubual penyelidik dengan beberapa orang pelajar<sup>35</sup> juga membuktikan bahawa amalan dan penghayatan ibadah khusus, terutamanya kewajipan solat fardu masih belum disempurnakan oleh kebanyakan pelajar, apatah lagi untuk menghayatinya.

Berdasarkan permasalahan yang ditimbulkan dan dapatan daripada kajian-kajian terdahulu telah mendorong penyelidik untuk membuat kajian sejauhmanakah pula tahap penghayatan ibadah khusus harian pelajar-pelajar Islam di Petaling Jaya. Sekiranya benar kurang memuaskan, apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keadaan tersebut. Serta adakah terdapat perbezaan tahap penghayatan disebabkan berbeza jantina, pencapaian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, minat terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dan status sosio ekonomi. Penyelidik membuat kajian berkenaan penghayatan ibadah khusus harian kerana daripada penghayatan ibadah ini, ia dapat memberi impak yang besar kepada kehidupan seseorang dari segi jasmani, rohani dan emosi, malah penghayatan ibadah inilah yang menjadi asas kepada penciptaan jin dan manusia .

---

<sup>35</sup> Mohd Hafiz B. Ahmad Tarmizi dan Farah Hazwani Bt Dahari, pelajar tingkatan 4 Sains, SMK Sultan Abdul Samad, Petaling Jaya merangkap Pengerusi dan Naib Pengerusi Persatuan Pelajar Islam SMK Sultan Abdul Samad, Petaling Jaya. Temubual pada 17 Oktober 2006, Hazlinda Bt Yusof dan Nur Farhana Bt Ahmad, pelajar tingkatan 4 Sains, SMK(P) Sri Aman, Petaling Jaya. Temubual pada 18 Oktober 2006.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan adalah untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i. Bagaimanakah tahap penghayatan ibadah khusus harian pelajar.
- ii. Sejauhmanakah faktor diri, ibu bapa, guru, sekolah, rakan dan persekitaran mempengaruhi penghayatan ibadah khusus harian pelajar.
- iii. Adakah terdapat perbezaan tahap penghayatan ibadah khusus harian pelajar berdasarkan jantina, pencapaian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, minat terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dan tahap sosio ekonomi.
- iv. Adakah terdapat hubungan antara penghayatan dalam ibadah khusus harian dengan cara hidup pelajar.

#### **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

- i. Mengetahui tahap penghayatan ibadah khusus harian pelajar.
- ii. Mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi penghayatan ibadah khusus harian pelajar.
- iii. Mengetahui tahap penghayatan ibadah khusus harian pelajar berdasarkan jantina, pencapaian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, minat terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dan sosio ekonomi.
- iv. Mengetahui tahap hubungan antara penghayatan dalam ibadah khusus dengan cara hidup seharian pelajar.

## **1.6 HIPOTESIS KAJIAN**

Terdapat empat hipotesis positif yang akan diuji dalam kajian ini. Iaitu:

- H 1 Terdapat perbezaan yang signifikan antara penghayatan ibadah dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina.
- H 2 Terdapat perbezaan yang signifikan antara penghayatan ibadah dalam kalangan pelajar berdasarkan pencapaian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.
- H 3 Terdapat perbezaan yang signifikan antara penghayatan ibadah dalam kalangan pelajar berdasarkan minat dalam Pendidikan Islam.
- H 4 Terdapat perbezaan yang signifikan antara penghayatan ibadah dalam kalangan pelajar berdasarkan tahap sosio ekonomi.

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini penting berdasarkan perkara-perkara berikut:

- i. Dapatan kajian membolehkan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan kurikulum Pendidikan Islam KBSM mengetahui sejauhmana tahap penghayatan ibadah khusus harian pelajar Islam khususnya di bandar raya Petaling Jaya. Seterusnya mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan tahap penghayatan tersebut.
- ii. Bagi guru Pendidikan Islam, dapatan kajian membolehkan mereka merancang dan melaksanakan program-program akademik dan ko

kurikulum untuk meningkatkan budaya penghayatan ibadah dalam kalangan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran.

- iii. Bagi Jabatan Pelajaran Negeri, dapatan kajian dapat membantu untuk merangka dan merancang program dan kursus-kursus tertentu untuk meningkatkan budaya penghayatan ibadah dalam pengajaran dan pembelajaran yang boleh disebar dan dikongsi kepada setiap sekolah.
- iv. Dapatan kajian boleh membantu Kementerian Pelajaran untuk membuat semakan dan kajian ke atas pelaksanaan kurikulum yang sedia ada, adakah masih relevan atau perlu kepada pengubah suaian berdasarkan kepada keperluan dan situasi semasa.
- v. Dari segi literatur, kajian ini dapat membanyakkan lagi literatur dalam aspek penghayatan Islam khususnya dalam kajian berkenaan penghayatan ibadah khusus harian dalam kalangan pelajar atau remaja.

## **1.8 BATASAN KAJIAN**

Kajian ini terbatas kepada perkara-perkara berikut:

1. Kajian ini hanya dijalankan di sembilan buah Sekolah Menengah Kebangsaan di bandar Petaling Jaya, Selangor. Sekolah-sekolah tersebut ialah SMK Assunta, SMK(L) Bukit Bintang, SMK Sultan Abdul Samad, SMK Sri Permata, SMK Sri Utama, SMK Taman Medan, SMK Kelana Jaya, SMK(P) Sri Aman dan SMK(P) Taman Petaling.



2. Sampel kajian ialah pelajar Islam tingkatan empat, seramai 450 orang, lelaki dan perempuan yang mempunyai tahap pencapaian akademik yang berbeza dan datang dari keluarga yang pelbagai status sosio ekonomi.
  
3. Dari segi aspek kajian, ia dilakukan untuk meninjau sejauhmana penghayatan ibadah khusus harian dalam kalangan pelajar dalam ibadah sembahyang (fardu dan sunat), puasa (fardu dan sunat), membaca al-Quran, berzikir dan berdoa. Kajian juga dilakukan untuk meninjau sejauhmana penghayatan ibadah khusus harian itu dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu. Iaitu faktor diri, ibu bapa, sekolah (program keagamaan di sekolah), rakan dan persekitaran. Kajian juga dijalankan untuk mengenalpasti adakah terdapat perbezaan penghayatan ibadah berdasarkan jantina, pencapaian dalam Pendidikan Islam (berdasarkan keputusan peperiksaan PMR responden), minat terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dan tahap sosio ekonomi. Kajian juga dijalankan untuk mengenalpasti adakah terdapat hubungan antara penghayatan ibadah dengan cara hidup seharian pelajar.

## **1.9 SOROTAN KAJIAN TERDAHULU**

Kajian tentang penghayatan ibadah dalam kalangan pelajar telah ada dilakukan oleh para penyelidik sebelum ini. Antaranya ialah kajian Ahmad Sabri Osman<sup>36</sup> mengenai *Keberkesanan Penghayatan Sistem Pendidikan Islam Di*

---

<sup>36</sup> Ahmad Sabri Osman (2002), *op.cit.*

*Kalangan Mahasiswa Universiti Teknologi Mara Kampus Arau, Perlis.* Kajian ini melibatkan 300 orang pelajar dengan menggunakan instrumen soal selidik. Hasil kajian mendapati penghayatan ibadah kurang berkesan terutama dalam menunaikan solat fardu, solat berjemaah bagi pelajar lelaki, solat-solat sunat dan membaca al-Quran. Contohnya hanya 52.7% pelajar menunaikan solat fardu penuh sehari semalam. Sedangkan jika melihat kepada umur dan status pelajar sudah seharusnya peratusnya adalah seratus peratus. Bagi solat sunat pula hanya 15% sahaja yang kerap melakukannya.

Hasil kajian beliau juga mendapati ada hubungan yang rapat antara pendidikan agama dan penghayatannya di mana pelajar dari aliran agama atau yang sedang mengikuti kursus Pendidikan Islam secara formal di UiTM, lebih menghayati Islam berbanding sebaliknya. Dapatan ini menyamai dapatan Ahmad Latukau<sup>37</sup> yang mengkaji tentang *Kehidupan Beragama Di kalangan Pendatang Indonesia Di Ampang Jaya, Selangor*, iaitu mereka yang mempunyai latar belakang Pendidikan Islam yang baik tidak akan terpengaruh dengan pekerjaannya atau kesibukannya sehingga meninggalkan kewajipan kepada Allah.

Kajian Ahmad Sabri ini tidak menfokuskan kepada keberkesanan penghayatan dalam ibadah sahaja. Tetapi melihat juga dari aspek akidah dan akhlak. Oleh itu dapatan kajian adalah meliputi ketiga-tiga aspek tersebut dan penghayatan ibadat bukan menjadi persoalan utama dalam kajian ini.

---

<sup>37</sup> Ahmad Latukau (2003), "Kehidupan Beragama Di Kalangan Pendatang Indonesia: Suatu Kajian Khusus Di Ampang Jaya, Selangor Darul Ehsan" (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 151.

Kajian lain ialah kajian Mohd Suhardi Mat Jusoh<sup>38</sup> mengenai *Pengabaian Solat Fardu Di Kalangan Remaja Di Daerah Pasir Putih, Kelantan*. Kajian ini melibatkan 467 orang pelajar sebagai responden, juga menggunakan instrumen soal selidik. Hasil kajian beliau mendapati tahap pengamalan solat fardu dalam kalangan remaja adalah berbeza iaitu ada yang konsisten dan ada yang tidak. Kajian juga mendapati faktor persekitaran memberi pengaruh terhadap pengamalan solat fardu remaja. Iaitu pelajar yang tinggal di kawasan kampung lebih konsisten dalam melaksanakan kewajipan solat berbanding pelajar yang tinggal di bandar. Begitu juga pelajar yang tinggal di asrama lebih komited mengerjakan ibadah solat berbanding pelajar yang tinggal di rumah sendiri dan rumah sewa. Manakala pelajar yang tinggal di rumah sendiri lebih baik pelaksanaan ibadah solat berbanding pelajar yang tinggal di rumah sewa.

Hasil kajian ini juga mendapati ibu bapa merupakan faktor utama anak mengerjakan solat atau tidak. Kajian Mohd Suhardi ini hanya tertumpu kepada ibadah solat iaitu ingin mengetahui sejauhmana tahap pelaksanaan ibadah solat dalam kalangan pelajar dan faktor-faktor yang menyebabkan kepada pengabaian solat dalam kalangan mereka. Kajian ini tidak menyentuh tentang ibadah lain sama ada yang wajib atau pun sunat. Sedangkan kajian yang akan dikaji oleh penyelidik melibatkan ibadah khusus yang wajib dan sunat.

---

<sup>38</sup> Mohd Suhardi Mat Jusoh (2004), *op.cit.*

Seterusnya kajian oleh Isyah Radhiah Idris<sup>39</sup> yang mengkaji mengenai *Pendidikan Solat Oleh Ibu Bapa Terhadap Anak Dan Remaja Di Kota Bharu, Kelantan*. Kajian melibatkan 111 orang responden dalam kalangan ibu bapa. Kajian beliau mendapati pendidikan solat yang diterapkan sejak kecil menjadikan anak mampu istiqamah menunaikan solat setelah mencapai umur dewasa. Kajian ini juga mendapati ketegasan ibu bapa mempengaruhi amalan solat anak-anak. Penyelidik kajian ini juga telah mengemukakan 10 kaedah pendidikan solat terhadap anak-anak yang boleh diaplikasikan oleh ibu bapa. Sama seperti kajian Mohd Suhardi, kajian ini juga hanya menumpukan pada persoalan ibadah solat iaitu mengkaji cara pendidikan solat oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka.

Kajian lain ialah kajian Zakariah B. Din @ Nasiruddin<sup>40</sup> bertajuk *Kajian Kefahaman Terhadap Keimanan Kepada Allah Dan Amalan Harian Pelajar: Kajian Di Sekolah Menengah Daerah Kerian, Perak*. Kajian melibatkan responden seramai 200 orang daripada pelajar-pelajar 6 buah sekolah dalam daerah Kerian. Kajian ini mendapati tahap pelaksanaan amalan wajib harian iaitu solat fardu adalah pada tahap tinggi dengan dapatan min 4.18. Manakala bagi amalan sunat harian seperti berdoa, solat sunat, solat berjemaah dan berzikir selepas solat tahap pelaksanaan adalah pada tahap sederhana tinggi dengan dapatan min 3.92. Fokus kajian ini didapati lebih hampir dengan kajian penyelidik, bagaimanapun di samping mengkaji tahap amalan

---

<sup>39</sup> Isyah Radhiah Idris (2004), "Pendidikan Solat Oleh Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak Remaja Di Kota Bharu, Kelantan" (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

<sup>40</sup> Zakariah B. Din @ Nasirudin (2005), "Kajian Kefahaman Terhadap Keimanan Kepada Allah Dan Amalan Harian Pelajar: Kajian di Sekolah Menengah Daerah Kerian, Perak" (Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

ibadah harian responden, ia juga membuat kajian mengenai tahap kefahaman responden terhadap keimanan kepada Allah.

Kajian berkaitan juga ialah kajian Azizah Zakaria<sup>41</sup> mengenai *Penghayatan Terhadap Beberapa Aspek Dalam Falsafah Etika al-Ghazali : Kajian Di Kalangan Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor Darul Ehsan*. Kajian ini melibatkan 250 orang responden dan menggunakan instrumen soal selidik dan temubual . Kajian beliau mendapati tiada perbezaan yang ketara dari segi peratusan responden melaksanakan ibadah solat lima waktu berdasarkan jantina sama ada tetap dan dalam waktu, jarang-jarang dan selalu lewat. Kajian beliau juga mendapati ibadah sunat harian seperti solat sunat jarang diamalkan oleh responden. Kajian juga mendapati ibu bapa pendorong utama membentuk tingkah laku pelajar dan pengaruh rakan hanya menduduki tempat kedua. Walaupun ada menyentuh permasalahan ibadah khusus harian sama ada yang wajib mahu pun yang sunat, fokus utama kajian ini adalah untuk mengetahui sejauhmana penghayatan responden terhadap nilai-nilai etika dalam kehidupan harian.

Fariyah Hussain<sup>42</sup> yang mengkaji *Keruntuhan Akhlak Di Kalangan Remaja: Suatu Kajian Di Alor Setar*, mendapati tiada penghayatan ibadah khusus harian terutamanya solat fardu telah menyumbang kepada keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja. Kajian yang melibatkan responden seramai 250 orang ini mendapati bagi tahap pelaksanaan ibadah solat fardu hanya 53 orang (21%) yang melakukannya

---

<sup>41</sup> Azizah Zakaria (2004), *op.cit*.

<sup>42</sup> Fariyah Hussain (2006), “Keruntuhan Akhlak Di Kalangan Remaja : Kajian di Alor Setar” (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

cukup lima waktu dalam sehari semalam. Walaupun ada menyentuh mengenai ibadah khusus harian, fokus kajian ini adalah untuk mengenalpasti apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja masa kini.

Oleh itu berdasarkan kepada kajian-kajian terdahulu, didapati penghayatan ibadah khusus harian dalam kalangan pelajar masih di tahap kurang memuaskan. Dapatan kajian juga mendapati faktor-faktor tertentu mempengaruhi tahap penghayatannya. Memandangkan tiada lagi kajian yang memfokuskan kepada penghayatan ibadah khusus harian dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Petaling Jaya, keadaan ini mendorong penyelidik untuk membuat kajian ini.

